



**TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PELANCARAN
KIOSK CUACA &SISTEM PEMANTAUAN RADIASI**

**5MAC 2014
KOMPLEKS C, BLOCK C5**

[SALUTATIONS]

YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI MOSTI

DATO' DR. ROSLI BIN MOHAMED
KETUA SETIAUSAHA MOSTI

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah MOSTI,
Setiausaha-setiausaha Bahagian, tuan-tuan dan puan-
puan sekalian

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1MOSTI.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima-kasih diatas kesudian tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama saya pada petang yang berbahagia ini dalam majlis ringkas untuk merasmikan Kiosk Cuaca MetMalaysia dan sistem pengesanan radioaktif LPTA yang ditempatkan di ruang legar bangunan kementerian kita ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati

2. Suatu masa dahulu, saya dapati tidak ramai rakyat negara kita yang peka terhadap maklumat cuaca yang dikeluarkan oleh MetMalaysia, sama ada melalui akhbar, televisyen atau pun internet. Namum begitu, sejak kebelakangan ini, didapati minat masyarakat kita terhadap maklumat cuaca telah berubah. Mereka kini lebih prihatin dan sentiasa mengikuti perkembangan cuaca yang berlaku. Keadaan ini mungkin disebabkan

oleh banyaknya fenomena cuaca ekstrem yang terjadi sejak akhir-akhir ini, yang secara tidak langsung telah meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya maklumat cuaca dalam merancang dan memastikan kelancaran aktiviti seharian mereka.

3. Oleh itu, saya menyarankan supaya MetMalaysia, dengan sokongan MOSTI, memperkasa dan memperkayakan kaedah penyampaian maklumat cuacanya demi memenuhi kehendak rakyat Malaysia. Dengan perkembangan teknologi semasa, penambahbaikan yang dilakukan mestilah lebih mudah dan relevan. Menyedari akan keperluan ini, MOSTI dengan kerjasama MetMalaysia telah membangunkan satu Kiosk Cuaca di MOSTI. Kiosk ini akan berfungsi sebagai satu alternatif kepada orang ramai, khususnya warga MOSTI untuk mendapatkan maklumat cuaca yang terkini dan tepat.

Tuan-tuan dan Puan-puan

4. Saya dimaklumkan bahawa selain daripada maklumat-maklumat cuaca dalam dan luar negara, kiosk ini juga berperanan untuk memaparkan nilai pengukuran elemen-elemen cuaca semasa yang dicerap secara terus-menerus 24 jam sehari menggunakan alat pencerap cuaca automatik, yang dikenali sebagai AWS (Automated Weather Station). Peralatan saintifik ini telah dipasang di atas bumbung bangunan C5 ini, dan ia berupaya mencerap elemen cuaca semasa yang terdiri daripada angin, suhu udara, jumlah hujandan tekanan udara. Sebenarnya, peralatan AWS seperti ini mula digunakan oleh MetMalaysia sejak tahun 1995, dan sehingga kini lebih 180 unit telah beroperasi di seluruh negara. Dijangkakan 40 unit lagi akan dipasang pada tahun ini dan 2015 di bawah projek 1 AWS 1 Daerah. Langkah ini akan dapat membantu mempertingkatkan dan

memantapkan lagi pemantauan keadaan cuaca dan pengumpulan maklumat-maklumat cuaca negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati

5. Untuk majlis hari ini, selain daripada Kiosk Cuaca, terdapat satu lagi peralatan saintifik yang telah dipasang di MOSTI. Ia merupakan alat pengesan radioaktif yang dikenali sebagai *Gate Monitor*. Peralatan *Gate Monitor* seperti ini telah digunakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) sejak tahun 2011 dan ditempatkan di beberapa lokasi strategik di ibu pejabat LPTA. Pada penghujung tahun 2013, satu unit peralatan *Gate Monitor* telah dipasang di Kompleks C5, MOSTI. Peralatan ini berkemampuan untuk mengesan sinaran gamma aras rendah yang berada dalam udara dengan aktiviti maksimum sehingga 100 microsieverts per jam. Ini adalah bagi memastikan kawasan persekitaran adalah bebas dari sebarang pencemaran bahan radioaktif dalam

udara. Pemasangan peralatan berkenaan juga bertujuan bagi mendapatkan data-data sinaran latar belakang khususnya sinar gamma bagi tujuan rujukan. Selepas berlakunya tragedi Fukushima pada Mac 2011, peralatan-peralatan saintifik seumpama ini memainkan peranan penting bagi meningkatkan keyakinan orang awam terhadap keupayaan kerajaan untuk bertindak secara proaktif dan sentiasa memastikan keselamatan orang awam dan kelestarian alam sekitar sentiasa terjamin.

6. Selepas daripada pelancaran ini, mungkin kita boleh tambahkan lagi bilangan peralatan saintifik lain yang difikirkan sesuai dan berfaedah untuk pengetahuan orang ramai supaya fungsi kementerian dan agensi-agensi akan lebih difahami oleh rakyat. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MetMalaysia dan LPTA di atas kerjasama dalam menjayakan program MOSTI ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Kiosk Cuaca dan Sistem Pengesanan Radioaktif ini.

Sekian, terima kasih.